

UPSI Rangkul Kejayaan Forum Piala Menteri Besar Perak 2025

Ipoh, 30 Oktober - Pasukan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sekali lagi mengharumkan nama universiti apabila muncul juara Pertandingan Forum Piala Menteri Besar Perak Peringkat Kebangsaan 2025 bagi kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh, petang kelmarin.

Pasukan yang dianggotai oleh Nuramiraasha Rashdan, Muhammad Faiz Md Fauzi, Muhammad Azri Asyraf Abu Seman, Muhammad Nur Ikhwan Abdul Kassim dan Nurul Syahera Zainudin, terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Bahasa Melayu dan ISMP Bahasa Arab, membuktikan keupayaan pelajar UPSI menggabungkan kekuatan ilmu bahasa dan kemahiran komunikasi dalam medan berhujah. Kemenangan itu membolehkan pasukan UPSI membawa pulang cek cura bernilai RM4,000, piala kemenangan serta sijil penyertaan, yang disampaikan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Dalam pada itu, pelajar UPSI, Nuramiraasha Rashdan, turut dinobatkan sebagai Pengerusi Terbaik, melengkapkan kejayaan berganda universiti itu dalam pertandingan berprestij tersebut. Naib johan pertandingan disandang oleh IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah, manakala IPG Kampus Rajang, Sarawak menduduki tempat ketiga.

Pertandingan yang bertemakan "Bahasa Melayu Pemangkin Generasi Madani" itu dianjurkan bagi memperkukuh peranan bahasa kebangsaan sebagai wahana ilmu, komunikasi, dan perpaduan bangsa.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, ketika mengulas kejayaan itu berkata, kemenangan tersebut mencerminkan kecemerlangan pelajar UPSI bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dalam mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan wacana ilmiah.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa pelajar UPSI bukan sekadar bijak berhujah, tetapi mampu berbicara dengan hikmah, berfikir secara kritis dan menyampaikan pandangan dengan adab serta budi bahasa," ujar beliau.

Sementara itu, Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI, Profesor Madya Dr. Mazura @ Mastura Muhammad, berkata kejayaan itu adalah hasil komitmen tinggi para pelajar dan bimbingan pensyarah yang sentiasa menekankan keseimbangan antara penguasaan teori bahasa dan kemahiran komunikasi praktikal.

"Kami di Fakulti Bahasa dan Komunikasi sentiasa menyokong pelajar untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari ke dalam konteks sebenar seperti pertandingan forum ini.

"Ia bukan sahaja memperkukuh penguasaan bahasa, tetapi juga membina keyakinan, kepimpinan dan ketajaman berfikir," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Tragedi Liang Berdarah Jadi Iktibar Kukuh Budaya Keselamatan

Tanjong Malim, 30 Oktober - Tragedi kehilangan pendaki muda Allahyarham Mustaqeem Mansor ketika menyertai ekspedisi Trans Semaliang baru-baru ini perlu dijadikan pengajaran penting dalam membina kesedaran nasional mengenai aspek keselamatan, tanggungjawab dan etika dalam aktiviti pendakian.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata tragedi itu bukan sekadar kisah duka, tetapi satu isyarat untuk semua pihak memperkukuh sistem keselamatan serta meningkatkan disiplin dan ilmu sebelum memulakan aktiviti lasak di kawasan berisiko tinggi. Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Forum “Liang Berdarah: Puncak Harapan atau Lembah Kedukaan” di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, di sini, semalam.

Forum berkenaan menampilkan tiga ahli panel iaitu Timbalan Penguasa Bomba (TPGB II) Khirulnizam Jamaludin, Penolong Penguasa Bomba Marazman Mohamad dan

Pengerusi Persatuan Malim Gunung Malaysia, Muzafar Mohamad.

Md Amin turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Mustaqeem dan menyifatkan pemergian beliau pada 16 Oktober lalu sebagai kehilangan besar kepada komuniti pendaki, khususnya di Tanjong Malim yang menjadi antara lokasi penamat ekspedisi tersebut. Beliau menegaskan bahawa semua pihak termasuk pendaki, penganjur ekspedisi (gogo), malim gunung serta agensi penguat kuasa perlu berganding bahu memperkukuh standard keselamatan, sistem amaran awal, latihan asas kecemasan dan protokol komunikasi digital.

Md Amin turut menekankan komitmen UPSI untuk terus mendidik generasi muda agar mencintai alam dengan ilmu, empati dan tanggungjawab, selain melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga berjiwa penyelamat dan berdisiplin dalam pasukan.

masyarakat yang menyatukan ilmu, nilai dan amalan sebenar.

“Karnival ini bukan sekadar acara rutin, tetapi mencerminkan visi UPSI dalam mengangkat pendekatan pembelajaran yang bermakna di mana setiap pelajar, pensyarah dan komuniti bersama-sama menghasilkan nilai nyata,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup tersebut di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Khamis lalu. Beliau berkata, melalui pendekatan SULAM, pelajar bukan sahaja mempelajari teori tetapi turut turun padang untuk menyelami realiti kehidupan masyarakat serta menyumbang solusi kepada permasalahan sebenar.



Projek Pemindahan Ilmu (KTP) - Usahawan Kecil Muallim Diperkasa Melalui Program Perniagaan Digital

Tanjong Malim - Seramai 45 penaja dan peniaga kecil dari Persatuan Penaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Perak, Daerah Muallim menyertai Program Pemindahan Ilmu Perniagaan Digital dan Pengkomersialan anjuran Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Program sehari yang berlangsung di FPE itu bertujuan memperkasa usahawan kecil dengan kemahiran perniagaan digital dan strategi pengkomersialan produk dalam talian. Peserta diberi pendedahan mengenai pemasaran digital, pengurusan e-dagang, penggunaan media sosial untuk promosi serta latihan praktikal menggunakan aplikasi seperti Canva, Google Trends dan Copilot bagi memperkukuh strategi penjenamaan produk.

Ketua projek, Dr. Siti Asma' binti Mohd Rosdi@Rodhi, berkata program ini memberi peluang kepada peniaga kecil memahami keperluan ekonomi digital dan memanfaatkan

teknologi bagi memperluas pasaran. “Peserta bukan sahaja belajar cara memasarkan produk secara dalam talian malah didedahkan kepada aspek pengurusan harta intelek dan pendaftaran jenama melalui MYIPO bagi melindungi jenama masing-masing,” katanya.

Selain meningkatkan kemahiran digital, program ini turut membuka ruang jaringan perniagaan baharu antara peserta sekali gus memperkukuh komuniti peniaga kecil di Muallim. Program ini mendapat kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI serta Persatuan Penaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Perak yang bersama menjayakan inisiatif berimpak tinggi ini.

Walaupun berdepan cabaran seperti kekangan masa peserta dan tahap literasi digital yang berbeza, program ini tetap mencapai objektif melalui pendekatan pembelajaran interaktif dan sokongan

tenaga pengajar berpengalaman.

Hasilnya, peserta kini lebih yakin memasarkan produk mereka ke pasaran lebih luas, termasuk antarabangsa serta mampu merancang strategi perniagaan yang kreatif dan berdaya saing. Program ini juga dilihat sebagai pemangkin kepada pembentukan komuniti usahawan kecil yang inovatif, mampan dan berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Dr. Siti Asma' berharap inisiatif seumpama ini dapat diteruskan bagi memperluas manfaat kepada lebih ramai peniaga kecil di negeri Perak.

Penyelidik:
• Dr. Siti Asma' Mohd Rosdi@Rodhi (Ketua Projek) – FPE
• Dr Ahmad Amri bin Zainal Adnan – FPE
• Dr Raja Nazim bin Raja Abdullah – FPE
• Dr Robe'ah binti Yusuf – FBK
• Nurul Syazreen Izzati binti Hassan - Pembantu Siswazah Pelatih

